

# 70 pelajar Suksis USIM sertai program modul kepemimpinan

**TELOK KEMANG 28 Okt.** - Seramai 70 orang pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang menganggotai Kor Sukarelawan Polis Siswa Siswi (Suksis) telah menyertai Program Modul Kepimpinan di Port Dickson Sanctuary Resort, Pasir Panjang, dekat sini baru-baru ini.

Kumpulan dari Skwad 9 Kor Suksis USIM merupakan kumpulan baharu yang dibentuk pada September lalu terdiri dari 35 peserta lelaki dan 35 peserta perempuan diberi pelbagai tugas dan pengisian sepanjang program berlangsung bermula 18 hingga 20 Oktober lalu.

Ketua Skwad 9, Muhammad Yunus Shahidan berkata, program se-

lama tiga hari dua malam itu diisi dengan pelbagai slot antaranya program luar secara berkumpulan.

“Program seperti ini sebenarnya satu cara terbaik dalam menguji setiap individu dalam mengenal potensi sendiri menerusi kreativiti, cara untuk mengatur tugas selain mencungkil bakat kepimpinan dan melaksanakan tugas.

“Banyak perkara baharu dipelajari semasa di sini, ia amat menarik dan menyeronokkan kerana setiap aktiviti yang kami ikuti memberi makna dan pengajaran yang tersendiri. Ia juga membuka ruang untuk kami saling mengenali sesama sendiri,” katanya.

Jelas beliau, pada program ini juga turut mengadakan program bergotong-royong membersihkan surau di kampung berdekatan selain Latihan Dalam Kumpulan (LDK).

Katanya turut mengambil tempat ialah slot khas bersama Ketua Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK) Ibu Pejabat Polis Kontinjen negeri, Asisten Komisyoner Che Man Md. Dros.

“Malah para peserta juga turut mengambil bahagian dalam Dialog Santai bersama Profesor Datuk Dr. Mohamed Asin Dollah, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) yang juga Komandan Kor Suksis USIM,” katanya.